

27/10/2003

Sikap PBT jejaskan wakil rakyat

KUALA LUMPUR: Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Datuk M Kayveas mendakwa wakil rakyat tidak boleh menjalankan tugas dengan berkesan untuk memenuhi tuntutan rakyat kerana kerenah birokrasi dan sikap tidak mesra sesetengah agensi kerajaan.

Beliau berkata, apabila wakil rakyat gagal mendapatkan kerjasama yang berkesan, maka tuntutan rakyat gagal mendapat perhatian sewajarnya.

"Akibatnya, wakil rakyat yang terjejas dan parti yang diwakilinya turut dikecam sebagai tidak berguna," katanya pada Perhimpunan Agung PPP ke-50 yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Kayveas berkata, keadaan itu menyebabkan wakil rakyat sering kecewa kerana tidak dapat berfungsi dengan berkesan.

Beliau berkata, agensi dan pihak berkuasa khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT) sering dimanjakan dan dilindungi oleh kerajaan negeri.

"Mereka terlalu bebas bergerak seolah-olah sebagai satu koloni dalam kerajaan dan gagal berfungsi membantu wakil rakyat yang ingin membela rakyat," katanya.

Beliau berkata, jika rakyat dapat lihat sikap terlampau PBT yang tidak ikhlas, telus, tidak mesra, maka kerajaan BN tidak akan menanggung akibatnya.

Di dalam ucapannya juga Kayveas meminta kerajaan menimbang masalah yang dihadapi warga asing lelaki yang berkahwin dengan wanita tempatan.

"PPP ingin mencadangkan supaya nasib pasangan warga asing yang berkahwin dengan warga Malaysia, serta kedudukan anak-anak mereka diberi perhatian khusus supaya institusi keluarga tidak berpecah kerana undang-undang kita yang kurang mesra terhadap mereka," katanya.

Beliau berkata, tahun lalu sebanyak 45,274 wanita warga asing telah mengahwini lelaki Malaysia.

Katanya, mereka yang mempunyai anak warga Malaysia diberi kelonggaran untuk tinggal di negara ini atas budi bicara pengarah Bahagian Visa Pas dan Permit, Jabatan Imigresen Malaysia.

"Bagi lelaki warga asing yang memegang pas lawatan kerja sementara yang berkahwin dengan wanita tempatan dan kemudiannya jika berlaku perceraian, lelaki berkenaan tidak lagi memiliki sebarang keistimewaan kecuali sebagai pelancong biasa," katanya.

Kayveas juga berkata, di Sabah sebanyak 10,000 anak dilahir tanpa didaftarkan dan mereka ini adalah hasil perkahwinan warga tempatan dengan pekerja asing.

"Mereka ini anak-anak tanpa negeri, tanpa negara dan kami berpendapat

mereka yang tiada kerakyatan ini bakal menjadi golongan yang akan menimbulkan masalah sosial kelak.

"Oleh itu, kerajaan perlu mengambil langkah realistik dengan menetapkan status mereka sebagai rakyat Malaysia," katanya.